

Tandakan (/) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah tentang konsep pemanasan global.

1. Pemanasan global ialah peningkatan suhu atmosfera bumi yang meningkat secara berterusan berbanding suhu biasa.
2. Suhu bumi meningkat akibat kesan gas rumah hijau.
3. Gas rumah hijau terdiri daripada karbon dioksida, oksigen dan metana.
4. Suhu bumi menjadi semakin panas kerana haba yang dibalikkan oleh bumi terperangkap dalam atmosfera oleh gas rumah hijau.
5. Kesan rumah hijau meliputi pertambahan gas karbon dioksida, klorofluorokarbon dan bahan pencemar yang lain.

Pilih jawapan yang betul bagi soalan berikut

1. Apakah faktor yang menyebabkan kawasan dalam maklumat di bawah menerima kesan pemanasan global?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Kuala Lumpur• Georgetown |
|---|

I mempunyai jumlah kenderaan yang banyak
II berhampiran dengan pusat perindustrian
III terletak jauh dari Taman Negara
IV terletak di pinggir laut

- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
2. Apakah punca yang menyebabkan aras laut meningkat?
 - A. Hujan lebat di lautan
 - B. Pencairan ais di kutub utara
 - C. Pertambahan jumlah kapal dalam laut
 - D. Tiupan angin yang kuat di tengah lautan

3. Apakah kesan terhadap kesihatan manusia jika pemanasan global berterusan?

- I kanser kulit
- II strok haba
- III mudah mengantuk
- IV penyakit malaria

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

4. Antara yang berikut, manakah yang merupakan langkah untuk mengurangkan pemanasan global?

- I mengamalkan kitar semula
- II menggunakan tenaga elektik
- III menebang pokok yang tinggi
- IV menggunakan tenaga mesra alam

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

5. Pilih maklumat yang benar berkaitan dengan kesan pemanasan global?

- A. Hakisan pinggir pantai berkurangan
- B. Kepadatan penduduk meningkat
- C. Sumber bekalan air bersih bertambah
- D. Ombak besar di laut